44

RANCANGAN ELEMEN KARAKTER BANGSA DALAM KOMSAS BAHASA INDONESIA: SATU KAJIAN PENEROKAAN DI SEKOLAH MENENGAH ATAS PEKANBARU RIAU

(THE INSTRUCTIONAL DESIGN OF NATION CHARACTER ELEMEN IN LITERATURE OF INDONESIAN LANGUAGE SUBJECT: THE EXPLANATORY ATUDI AT JUNIOR HIGHT SCHOOL IN PEKANBARU, RIAU)

Elmustian Rahman
elmustian@yahoo.com

Zamri MAHAMOD
d-zam@ukm.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji keadaan perancangan elemen karekter bangsa dalam mata pelajaran bahasa Indonesia khasnya komponen sastera (komsas BI) di Sekolah Menengah Atas Negeri di kota Pekanbaru. Kajian ini adalah satu kajian penerokaan (explanatory) yang menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai empat orang guru, yakni terdiri dari dua guru laki-laki senior dan junior, dua guru perempuan senior dan junior, dijadikan sebagai peserta kajian (PK). Pemilihan peserta kajian ini dilaksanakan dengan persampelan dari kriteria yang ditetapkan. Data daripada pemerhatian dan temu bual disokong oleh analisis dokumen. Dapatan menunjukkan bahawa perancangan elemen karekter bangsa dalam komsas bahasa Indonesia sudah memenuhi standar kurikulum. Namun demikian, dapatan kajian menunjukkan perancangan pembelajaran komsas BI memungkinkan menyokong lebih kaya lagi pembinaan elemen karekter yang disokong oleh a) kurikulum KTSP, b) pendekatan teori sastera, dan c) lingkungan sosial. Pada Kurikulum KTSP ditemukan pula (a) peserta kajian merancang sesuai dengan undang-undang dan (b) aturan-aturan lainnya, pada pendekatan teori berhubungan pula (a) elemen karekter dan (b) pendekatan teori sastera yang digunakan. Sementara itu pada lingkungan sosial berhubungan dengan (a) lingkungan sosial peserta kajian dan (b) karekter dalam komponen sastera. Implikasi kajian ini ialah terhadap guru mata pelajaran komponen sastera yang mengajarkan mata pelajaran bahasa Indonesia. Institusi pendidikan (SMA, fakulti keguruan dan ilmu pendidikan, serta pusat kurikulum dan buku) mesti melakukan peninjauan ulang aturan muatan perancangan pembinaan karekter dalam kurikulum pendidikan, kerana karya sastera kaya dengan nilai karekter bangsa yang wajar diterapkan dalam membina bangsa Indonesia berdaya saing dan berdaya maju.

Kata kunci: karekter, kurikulum KTSP, pendekatan teori sastera, lingkungan social.

Abstract

This study aims to explore the application of the element of nation character on the component of Indonesia literature in State Senior High School in Pekanbaru. The study is explanatory study which applies qualitative approach. The participants of the study

are four male junior and senior teachers and two female junior and senior teachers. The selection of these participants was conducted through purposive sampling. The data came from observation and depth interview supported by document analysis. The findings of the study demonstrate that Indonesian literature is very rich in the material of student character formation. This shows that the instructional design (lesson plan) of Indonesian literature learning is potentially richer development of character element which is supported by (a) curriculum KTSP, (b) literature approach, and (c) social environment. The study has a strongly implication to teachers who teach literature component in Indonesian subject since these teachers form and develop student character in learning process. In addition, educational institutions (Senior High School, faculty of teacher training and education, as well as center of curriculum and book) must conduct the rule of review on the development of character in educational curriculum since literature is rich in the values of nation character which must be applied in fostering Indonesia to be a competitive and highly advanced nation.

Key words: character, curriculum KTSP, literature approach, and social environment.

Pengenalan

Sejajar dengan pemantapan kualiti pendidikan untuk meningkatkan kualiti insan, perguruan khasnya pendidik adalah suatu jawatan profesional yang mencabar seperti mana kerjaya yang lain. Pelbagai cabaran itu sedang dihadapi oleh para pendidik, khasnya dalam menangani cabaran pertukaran sistem dan arah tuju pendidikan sesebuah negara (Azman 2010; Zamri et al. 2010; Firdaus 2011). Di Indonesia, menurut Undang-Undang RI No. 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional, Undang-undang RI No. 14 Tahun 2005 tentang Guru dan Dosen (pensyarah), dan Peraturan Pemerintah No. 19 Tahun 2005 tentang Standard Nasional Pemerintah Indonesia, peruntukan-peruntukan ini telah mengamanatkan sektor pendidikan diberi keutamaan dan kualiti guru amat dititikberat. Guru mesti memiliki kelayakan akademik, kompetensi, sijil pendidikan, sihat jasmani dan rohani, serta memiliki kemampuan untuk mewujudkan arah tuju pendidikan nasional. Kelayakan akademik minimum yang perlu dimiliki oleh guru sekolah menengah ialah Strata 1 atau Diploma IV (S-1/D-IV), iaitu ijazah yang bersesuaian dengan jenis, peringkat dan satuan pendidikan formal di tempat bertugas.

Dalam penentuan perubahan Pasal 66 Peraturan Pemerintah No. 74 Tahun 2008, guru dalam jabatan yang belum memenuhi kelayakan akademik S-1 atau D-IV perlu mengikuti ujian kompetensi untuk memperolehi sijil pendidik apabila sudah mencapai usia 50 tahun dan mempunyai pengalaman kerja selama 20 tahun sebagai guru atau mempunyai golongan IV/a, atau yang memenuhi syarat seperti angka kredit kumulatif setara dengan golongan IV/a. Perkara yang lebih penting pemerintah mengamanatkan bahawa guru wajib memiliki kelayakan akademik, kompetensi, sijil pendidik, sihat jasmani dan rohani. Kompetensi guru mencakupi penguasaan kompetensi pedagogi, profesional, keperibadian, dan sosial yang dibuktikan dengan sijil pendidik. Hal ini sejajar dengan Peraturan Pemerintah RI No. 14 tahun 2005.

Pada masa dahulu, peranan guru yang utama adalah sebagai penyampai ilmu pengetahuan (Azman 2010). Guru ialah individu yang mesti banyak bercakap dan menyoal. Walau bagaimanapun, kini peranan guru lebih penting sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran (Umi Nadiha 2010). Misi utama peranan guru menjadi lebih

luas lagi, yakni melakukan transformasi kepada keperibadian anak didik. Tujuan hakikinya agar mereka boleh berkembang menjadi manusia sebenar-benarnya (Firdaus 2011). Sebagai pemudah cara, guru perlu lebih sedia dan peka untuk menggunakan situasi-situasi pembelajaran secara cekap dan berkesan.

Sejajar dengan matlamat negara untuk meningkatkan kualiti bangsa, peningkatan karekter adalah suatu matlamat yang menjadi arus utama bagi pembangunan manusia sejati. Karekter sesuatu bangsa ditentukan oleh karekter individu yang berhimpun dalam suatu komuniti. Zubaidi (2011) menyatakan bahawa karekter individu ditentukan oleh tindakan berdasarkan nilai yang diamal dan sekali gus menjadi panduan dalam hidupnya. Djahiri dalam Rusyana (2008) mengemukakan bahawa nilai ialah harga, makna, isi, dan pesan, semangat, atau jiwa yang tersurat dan tersirat dalam fakta, konsep, dan teori sehingga bermakna secara fungsional. Batasan ini menunjukkan bahawa nilai bersifat fungsional yang ada di luar diri individu. Nilai menjadi pengarah, pengendali, dan penentu perilaku seseorang. Nilai menjadi indikator atau unsur dalam berperilaku. Maka, perilaku seseorang dapat mencerminkan nilai hidup yang dimilikinya.

Pendidikan karekter adalah sebuah proses yang berlanjutan, iaitu selama mana sesebuah bangsa berlangsung dan ingin wujud, pendidikan karekter menjadi suatu kemestian untuk dianggap bangsa yang mempunyai martabat yang tinggi. Pendidikan karekter mesti menjadi bahagian terkukuh daripada pendidikan walaupun beralih generasi (Kartadinata dalam Lickona 2013). Proses pendidikan karekter akan melibatkan ragam aspek perkembangan anak didik, seperti kognitif, konatif, afektif, serta perkembangan psikomotor sebagai suatu keutuhan (holistik) dalam konteks kehidupan bermasyarakat. Karekter tidak dapat dibentuk dalam perilaku yang segera seperti yang dicanang oleh penguasa Indonesia sebagai revolusi mental ketika Jokowi berkuasa pada tahun 2014. Dalam kaitan itu, pembinaan karekter tidak dapat ditunjukkan. Pengembangan karekter harus digabung jalin dalam proses pembelajaran yang mendidik, disedari oleh guru sebagai tujuan pendidikan, dikembangkan dalam suasana pembelajaran yang transaksional dan bukan instruksional, dan dilandasi pemahaman serta penghayatan secara mendalam terhadap perkembangan pelajar (Lickona 2013).

Pendidikan karekter ialah pendidikan sepanjang hayat, iaitu sebagai proses pengembangan ke arah manusia yang holistik. Pendidikan karekter dalam kaitan ini memerlukan guru yang berkarekter sebagai pola ideal. Menurut Sunaryo Kartadinata dalam Lickona (2013), pendidikan karekter mesti bersifat multilevel dan multi-*chanel* kerana tidak mungkin hanya dilakukan oleh institusi sekolah sahaja. Pembentukan karekter perlu mempunyai teladan, perilaku nyata dalam latar kehidupan yang tulen atau nyata. Oleh itu, pembinaan karekter mesti menjadi sebuah gerakan yang bersifat holistik, melibatkan pelbagai pihak dan peringkat serta berlangsung dalam penetapan kehidupan semula jadi. Namun, perkara yang harus dihindari adalah jangan sampai tersesat menjadi gerakan dan tunjang politik yang pada akhirnya hanya membentuk pelbagai perilaku formalistik-pragmatik yang berorientasi kepada asas manfaat yang seterusnya akan merosak karekter dan martabat bangsa.

Pada peringkat pendidikan formal, proses pendidikan melalui tiga tahap yakni input, proses, dan hasilan. Pendidikan yang bermutu dalam konteks pembinaan karekter bangsa memberi tumpuan kepada proses dan hasil pendidikan. Pada tahap proses

pendidikan berkaitan pula dengan pelbagai input, seperti: (i) bahan pengajaran (kognitif, afektif, atau psikomotor), (ii) metodologi dalam pengajaran (bervariasi bersesuaian dengan kemampuan guru), (iii) sokongan dan prasarana oleh pihak pengurusan, dan (iv) sumber-sumber lain serta penciptaan suasana yang kondusif.

Pendidikan dalam memupuk karekter ini amat penting untuk dilaksanakan dalam hubungannya dengan peningkatan mutu seperti yang dijelaskan di atas. Hal ini juga penting memandangkan keadaan masyarakat di sekolah saat ini sangat membimbangkan. Keadaan itu dapat dilihat melalui isu-isu yang dipaparkan di pelbagai media cetak mahupun elektronik, seperti surat khabar, televisyen atau Internet. Bahkan, keadaan ini juga dapat dilihat sendiri oleh masyarakat dalam kalangan ahlinya (Haryadi, 2010; Yusny Saby 2010, Ngainun Naim 2012). Keprihatinan terhadap keadaan masyarakat yang sedemikian telah menyuntik semangat untuk mengkaji sebab dan mencari puncanya. Penyelidikan dan seminar mengenai masalah itu telah berkali-kali yang diselenggarakan oleh pelbagai jawatan, seperti pemerintah mahupun swasta. Kesimpulan yang telah dimuafakati bersama ialah pentingnya menggalakkan pendidikan karekter (Haryadi 2010).

Topik kajian ini menekankan penerapan elemen karekter bangsa dalam pembelajaran komponen sastera (Komsas) bahasa Indonesia. Kamus Dewan (2010) memberi definisi karekter sebagai sifat atau ciri perwatakan yang membezakan seseorang dengan yang lain. Istilah pendidikan karekter ini dipakai beragam, ada yang menyebutnya dengan pendidikan karekter (Lickona, 2013), pendidikan budi pekerti atau akhlak, pendidikan moral, serta istilah kemahiran generik. Seseorang yang berkarekter mengikut Zubaedi (2011) ialah orang memiliki akhlak, moral, dan budi pekerti yang baik.

Di Indonesia, maklum balas pemerintah dan para pakar terhadap pendidikan karekter adalah berbeza. Hal ini dapat dilihat dalam kalangan golongan pendidik dengan pendapat tentang perlunya pendidikan budi pekerti, sedangkan pihak yang daripada bidang agama memandang kepada perlunya penguatan dalam bidang pendidikan agama. Mereka yang berkecimpung di bidang politik mengusulkan menggunakan kembali Pendidikan Pancasila. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Nasional RI telah memberi pelbagai reaksi terhadap isu tersebut dengan membentuk Kumpulan Pengembang Pendidikan Karekter (Haryadi 2010). Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai sejauh mana Pendidikan Pancasila boleh membantu membina semula pembentuk karekter pelajar di Indonesia.

Dalam konteks pendidikan komponen sastera, walaupun kandungan Komsas tidak diragukan lagi menjadi pembina karekter pelajar yang baik, namun tidak diiringi oleh pemahaman pelajar yang memadai dan kecekapan guru yang baik, maka akan sia-sialah harapan terbinanya karekter yang diharapkan. Pelajar perlu digerakkan untuk berfikir secara kreatif dan kritikal. Malahan pelajar dijangka dapat menyoal guru serta membantu guru membuka luas pintu pembelajarannya. Dahulu, punca pengetahuan adalah dalam bentuk bertulis atau literasi (Azman 2010, Umi Nadiha 2010). Kehadiran guru penting untuk membimbing pelajar membuat pilihan ilmu dan maklumat yang betul (Zamri 2012). Sebagai guru yang profesional, guru perlu melaksanakan kerjayanya dengan sepenuh hati, bersedia menanggung semua kebarangkalian yang sesuai dengan nilai profesion ini (Ragbir Kaur 2007; Umi Nadiha 2010, Zamri 2012).

Dalam menangani cabaran peranan guru, kurikulum sekolah perlulah seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, mempunyai disipin yang tinggi, bersikap kerjasama, dan mampu memainkan peranan dalam masyarakat, serta melahirkan sejumlah sekolah yang baik dan cemerlang (Abdullah 2009). Oleh itu, kajian ini adalah perlu untuk mengetahui sejauh mana elemen karekter bangsa diterapkan dalam tajuk Komsas bahasa Indonesia.

Penyusunan Rencana Pelaksanaan Pembelajaran diperlukan berdasarkan PP 19 Tahun 2005 Pasal 20 yang menyatakan bahawa: ”Perencanaan proses pembelajaran meliputi silabus dan rencana pelaksanaan pembelajaran yang memuat sekurang-kurangnya tujuan pembelajaran, materi ajar, metode pengajaran, sumber belajar, dan penilaian hasil belajar”. Peraturan ini sesuai pula dengan Permendiknas Nomor 41 Tahun 2007 tentang Standar Proses. Dalam aturan itu dijelaskan bahawa RPP dijabarkan dari silabus untuk mengarahkan kegiatan belajar peserta didik dalam upaya mencapai Kompetensi Dasar. Perlu ditekankan bahawa setiap guru pada satuan pendidikan mutlak menyusun RPP secara lengkap dan sistematis agar pembelajaran berlangsung secara interaktif, inspiratif, menyenangkan, menantang, memotivasi peserta didik untuk berpartisipasi aktif, serta memberikan ruang yang cukup bagi prakarsa, kreativitas, dan kemandirian sesuai dengan bakat, minat, dan perkembangan fisik serta psikologis peserta didik. Kewajiban guru ini dikaitkan dengan pembinaan karekter bangsa dalam diri pelajar adalah persoalan menarik karena menyangkut dengan satu penilian yang mendasar selain penilaian pengetahuan dan keterampilan. Sehubungan dengan hal tersebutlah pembahasan persoalan pengkajian tentang RPP diperlukan.

Pernyataan Masalah Kajian

Sastera memberi besar sumbangannya kepada kebudayaan (Muhammad 2006) dan dapat dilihat daripada pelbagai aspek kehidupan. Isi kandungan sastera pula jelas menyatakan bahawa karya sastera sebagai karya fiksyen dan ada juga sebahagiannya adalah daripada realiti. Menurut Wellek dan Waren (2014), karya sastera merupakan cerminan zaman. Pelbagai hal yang terjadi pada suatu waktu, sama ada positif dan negatif diamati oleh pengarang. Dalam proses penciptaannya, pengarang akan melihat fenomena-fenomena yang terjadi di masyarakat itu secara kritis, kemudian mereka mengungkapkannya dalam bentuk fiksyen (A. Teeuw, 1984, Haryadi, 1994, Terry Eagleton 2006, Wahyudi Siswanto 2013, Wellek dan Waren 2014). Dalam hubungan tersebut, sejauh mana pula peranan sastera dalam pembentukan karekter bangsa? Adakah kandungan sastera ini memiliki nilai-nilai murni dan moral yang dapat membentuk karekter bangsa?

Dalam sastera, terdapat nilai-nilai pendidikan moral yang berguna dalam usaha memupuk pendidikan karekter. Pembelajaran sastera bertujuan untuk menumbuhkan sikap apresiasi terhadap karya sastera, iaitu sikap untuk menghargai karya-karya sastera. Dalam pembelajaran sastera mengandungii hal-hal pokok tentang pengetahuan karya sastera (kognitif), menumbuhkan sikap kecintaan terhadap karya sastera (afektif), dan melatih kemahiran menghasilkan karya sastera (psikomotor). Kegiatan apresiasi sastera melakukan kegiatan hal-hal yang berhubungan dengan (i) kegiatan terbuka yakni aktiviti membaca dan mendengar karya sastera sertamenonton pementasan karya

sastera; (ii) kegiatan produktif yakni kegiatan mengarang, bercerita, dan mementaskan karya sastera; dan (iii) kegiatan dokumentari yakni kegiatan mengumpul puisi, cerita pendek, serta mengumpul keratan akbar tentang informasi kegiatan sastera.

Selain itu, persoalan lain yakni sistem pembelajaran sastera semasa ini tidak memberi peluang kepada pelajar untuk menghayati citra budaya bangsa dan cita rasa mengikut acuan masyarakat tempatan dan lebih berfokus kepada peperiksaan (Mohd. Azman 2003, Zamri 2012) tidak kira di Malaysia mahupun Indonesia. Peperiksaan Nasional atau ujian nasional menjadi penilaian utama kepada guru dan pelajar. Hal ini demikian kerana penilaian-penilaian tersebut yang menentukan keberhasilan masa hadapan pelajar. Pembinaan karekter bangsa menjadi sesuatu yang dikesampingkan dalam pendidikan formal. Hal ini sering diketepikan berbanding keinginan untuk berjaya dalam peperiksaan. Mengikut Jeniri (2007) dan Zamri (2012), corak pembelajaran sastera yang berasaskan peperiksaan tidak mampu menghasilkan pelajar yang berkeperibadian dan mempunyai kebolehan berfikir secara kreatif. Kesannya, pelajar tidak berpotensi untuk melahirkan perasaan dan pemikiran mereka melalui ciptaan karya sastera. Hal ini menyebabkan pelajar belajar berpandukan format peperiksaan tanpa meneroka ilmu pembelajaran dengan lebih mendalam.

Selanjutnya, guru bahasa Indonesia sebagai tunjang atau pelaksana dalam pendidikan karekter dalam sistem pendidikan formal ingin menyumbangkan pemikiran tentang bagaimana karekter bangsa diterapkan bagi pelajar sekolah menengah atas (SMA). Topik ini menemukan permasalahan, yakni elemen karekter dikemukakan daripada pelbagai kepentingan, iaitu kepentingan moral, politik, etnik, dan agama (Lickona 2013a, 2013b; Ngainun Naim 2012; Braginsky 1998; Tenas Effendy 2004, 2005a, 2005b; Al-Gazali 1999; Awaluddin 2009). Oleh itu, apakah elemen karekter bangsa yang sesuai dalam pembelajaran Komsas bahasa Indonesia?

Pelbagai strategi dan model pembelajaran sudah pula mendapat input antara lain sudah dikemukakan oleh berbagai-bagai ahli akademik. Antaranya ialah Suyitno (1986), Zamri (2004), Marno (2008), Hamzah (2008), Masnur Muslich (2008), Rohman, Saifur (2012), Solihatin, Etin dan Raharjo (2011). Dalam kaitan itu, bagaimanakah penerapan elemen karekter bangsa dalam kalangan pelajar yang paling ideal? Daripada beraneka ragam jenis dan kualiti isi kandungan karekter tersebut, apakah genre sastera yang sesuai dengan pembelajaran sastera untuk meningkatkan karekter bangsa?

Selain itu, hubungan pendidikan karekter (Lickona 2013a, 2013b; Zubaedi 2011) dengan sistem sastera (A Teeuw 1984, Wellek dan Austin Warren 2014) perlu mendapat perhatian kerana sejauh mana karekter pelajar dapat dibentuk dengan kaedah-kaedah sastera yang rumit dan sukar difahami oleh kebanyakan pelajar. Oleh itu, apa pula relevan antara pendidikan karekter dengan sistem sastera? Jika diteroka lebih terperinci lagi, maka dapat dibincangkan bagaimana perkara-perkara pembinaan karekter bila dikaitkan dengan pembelajaran Komsas. Bagaimanakah karekter bangsa dalam perancangan komsas bahasa Indonesia? Bagaimana pula penerapan karekter pada pelajar dalam pembelajaran Komsas bahasa Indonesia? Genre sastera apakah yang sesuai dengan pembinaan karekter bangsa? Permasalahan lain yang lebih spesifik akan muncul, misalnya bagaimanakah perbezaan genre puisi (nonnaratif) dengan prosa (naratif)? Adakah perbezaan penerapan karekter yang dilakukan antara guru senior dengan guru junior? Akhir sekali, adakah perbezaan penerapan karekter yang dilakukan

antara guru lelaki dengan guru perempuan ketika mengajar Komsas bahasa Indonesia?

Rumusan daripada permasalahan ini ialah adakah karya sastera atau komponen sastera yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Indonesia berupaya membentuk karekter bangsa pelajar-pelajar SMA di Indonesia, khususnya di Pekanbaru, Riau. Justeru, kajian berbentuk kualitatif dilakukan untuk mengetahui dan mengenal pasti jenis-jenis karekter bangsa yang banyak diterapkan ditemui dalam setiap perancangan komsas yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Indonesia tersebut.

Kerangka Konseptual Kajian

Tujuan utama pendidikan adalah untuk membentuk manusia yang baik dan bijak. Menurut Power (1982) dan Yoyon Baktiar Irianto (2010), pendidikan mengusahakan agar manusia memiliki karekter yang baik. Dengan bahasa lain, tujuannya adalah untuk mengubah manusia menjadi lebih baik dalam pengetahuan, sikap dan kemahiran. Namun, pada praktiknya, pendidikan lebih ditekankan kepada aspek prestasi akademik sehingga mengabaikan pembentukan karekter pelajar. Walaupun dalam teori sosiologi menyatakan bahawa pembentukan karekter menjadi tugas utama keluarga, namun sekolah turut sama bertanggungjawab terhadap kegagalan pembentukan karekter dalam kalangan para pelajar kerana proses pembudayaan merupakan tanggungjawab sekolah (Yoyon Bahtiar Irianto 2010).

Akhir-akhir ini, ada kecenderungan dalam menyatakan bahawa pendidikan karekter bagi sekolah bukan lagi sebagai sebuah pilihan, tetapi suatu kemestian yang tidak boleh dihindarkan. Pendidikan mengikut Yoyon Bahtiar Irianto (2010), di mana pun akan berkenaan dengan pelbagai tugas olah fikir (pengetahuan), olah rasa (apresiasi), dan kemahiran atau keterampilan. Dalam konteks kehidupan, pendidikan bersifat psikologi, sosial, dan kebudayaan. Daripada konteks inilah, nilai-nilai masyarakat sekeliling dan kekuatan spiritual akan menjadi bahan untuk membentuk karekter anak didik.



Rajah 1.1 Komposisi pendidikan dalam kurikulum karekter bangsa
Sumber: Departemen Pendidikan RP (2010)

Rajah 1.1 menjelaskan komposisi pembinaan pendidikan yang memiliki tanggungjawab dalam memberi keutamaan kepada pendidikan nilai, lingkungan (persekitaran) dan spiritual yang sesuai dengan tahap, peringkat dan jenis institusi pendidikan. Proses pengenalan diri, apresiasi diri dan pembiasaan diri tentang nilai dan moral harus berlanjutan di tahap sekolah setelah tahap keluarga. Pada tahap sekolah, ia harus menjadi tempat untuk pertumbuhan nilai dan moralnya sehingga terjadi proses pembiasaan pembudayaan. Kehidupan berbangsa dan bernegara yang diperjuangkan di Indonesia sebetulnya tidak harus meniru kehidupan negara lain kerana nilai-nilai, lingkungan dan spiritual pun berbeza. Dalam konteks ini, sistem persekolahan di Indonesia dituntut untuk dapat menyumbang secara signifikan dalam pembentukan karekter warganegaranya agar memiliki jati diri dan harga diri bangsanya serta dapat tetap boleh hidup sejajar dengan bangsa-bangsa lain di dunia (Yoyon Bahtiar Irianto 2010). Hal ini penting kerana sistem pendidikan Indonesia mementingkan warganya memiliki nilai jati diri yang tinggi. Berdasarkan Rajah 1.1, kerangka konseptual kajian dibina. Rajah 1.2 mengambil kira aspek kurikulum KTSP khasnya perancangan (RPP) dan Komsas yang diajar dalam mata pelajaran Bahasa Indonesia.



1.2. Kerangka konseptual kajian

Objektif Kajian

Berdasarkan kerangka kajian penerapan elemen karekter bangsa dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yakni mengenal pasti kandungan elemen karekter bangsa dalam perancangan pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia.

Soalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dikemukakan, kajian ini diharap dapat menjawab persoalan kajian bagaimanakah kandungan karekter bangsa dalam perancangan Komsas Bahasa Indonesia?

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan bertitik tolak daripada beberapa persoalan yang dibina. Justeru, kepentingan kajian dapat dijelaskan seperti yang berikut:

1. Sebagai alternatif kepada guru SMA untuk menyusun perancangan pembinaan karekter pelajar dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia.

2. Sebagai alternatif kepada peneliti terutama pensyarah dalam menyusun perancangan bahan ajar di perguruan tinggi di Indonesia.

3. Membina konsep perancangan kurikulum baharu dalam pembentukan karekter pelajar.

4. Sebagai penelitian awal tentang perancangan Komsas Bahasa Indonesia dalam pembentukan karekter pelajar.

5. Memberikan saranan kepada guru, pengetua sekolah, dan pihak-pihak yang berkepentingan untuk memperbaiki perancangan pembelajaran komsas Bahasa Indonesia dalam usaha pembentukan karekter bangsa.

Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif yang diperoleh daripada data kajian, teori, dan pakar. Pengumpulan data kualitatif adalah dengan menggunakan kaedah rakaman dan temu bual sebagai alat utama mengumpulkan data. Data temu bual ini disokong oleh data pemerhatian melalui rakaman video dalam dimensi audio visual dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian dalam kajian penerokaan ini melalui beberapa peringkat penapisan supaya kajian ini mencapai matlamat dan batasan. Peringkat pertama pengkaji mengambil senarai jumlah guru Bahasa Indonesia. Daripada 33 orang guru senior (berpengalaman) dan 30 orang guru junior (novis), seramai empat orang sahaja guru bahasa Indonesia dijadikan peserta kajian. Selain batasan terhadap peserta kajian, pengkaji juga membuat batasan terhadap fokus kajian. Pengkaji hanya menfokuskan kajian terhadap perancangan (RPP) Komsas dengan membataskan kepada komponen sastera non-naratif dua kali pertemuan dan komponen sastera naratif satu kali pertemuan di kelas X di Sekolah Menengah Atas Negeri di kota Pekanbaru.

Definisi Operasional

Dalam kajian ini terdapat konsep khas mengikut konteks kajian ini yang digunakan bagi memudahkan perbincangan dan seterusnya meningkatkan kefahaman.

1. **Perancangan**. Pengertian perancangan adalah proses sejumlah agenda tujuan yang ingin dicapai dalam suatu kegiatan. Dalam perencanaan ini mengetengahkan persoalan hubungan antara apa yang ada sekarang (*what is*) dengan bagaimana semestinya (*what should be*) yang bertalian dengan keperluan, penentuan tujuan, prioritas, program, dan alokasi sumber. Definisi perancangan atau perencanaan di sini adalah adalah Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (*lesson plan)* disingkat

dengan RPP adalah suatu perancangan operasional kegiatan yang menggambarkan prosedur dan pengorganisasian pembelajaran untuk mencapai suatu matlamat kompetensi dasar (KD) yang ditetapkan dalam Standar Isi dan dijabarkan dalam silabus. Ruang lingkup RPP mencakup satu KD yang terdiri atas satu indikator atau beberapa indikator untuk satu kali pertemuan atau tatap muka atau lebih.

2. **Karekter bangsa.** Definisi Karekter berasal dua istilah, yakni penerapan dan karekter. Penerapan mengikut Kamus Dewan (2010) berasal daripada kata "terap" (Kl, Tr), bermaksud mengemas dan menyusun. Penerapan bermaksud perihal (perbuatan dsb) menerapkan atau memasang, pemasangan; atau perihal (perbuatan dsb) menerapkan (mengenakan pada, menyerapkan dsb), perbuatan dsb mempraktikkan. Maksud karekter (i) sifat (ciri) perwatakan yang membezakan seseorang dengan yang lain; (ii) huruf, nombor, simbol, atau tanda baca. Dalam kajian ini, penerapan karekter pula bermaksud guru memasukkan komponen keagamaan, kejujuran, toleransi, disiplin, kerja keras, kreatif, berdikari, demokrasi, rasa ingin tahu, semangat kebangsaan, cinta akan tanah air, menghargai prestasi, bersahabat atau komunikatif, cinta akan kedamaian, gemar membaca, peduli terhadap masyarakat keliling, peduli akan isu sosial, serta bertanggungjawab dalam pembelajaran Komsas ketika mengajar Bahasa Indonesia kepada pelajar SMA kota Pekanbaru.
3. **Pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia.** Pembelajaran menurut Gergers (2005) merujuk cara pelajar boleh belajar menguasai sifat, kemahiran dan ilmu pengetahuan yang memberikan manfaat kepada diri mereka. Komponen sastera atau Komsas menurut Koster (2011) ialah aspek-aspek yang menyatakan tentang genre non-naratif atau puisi dan naratif (prosa fiksi). Bahasa Indonesia yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah satu mata pelajaran yang diajar di dalam kelas di SMA Negeri kota Pekanbaru. Dalam kajian, pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia bermaksud pembelajaran yang menggunakan Rencana Perancangan Pengajaran (RPP) guru SK 11 dan 12, dengan kompetensi dasar 13.1, 13.2, 14.1, 14.2.
4. **Sekolah Menengah Atas.** Sekolah Menengah Atas Negeri dalam kajian ini merujuk semua sekolah awam yang ada di Kota (wilayah administratif) Pekanbaru yang dikelola dan dibiayai oleh pemerintah kota Pekanbaru.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada bagian ini akan dibahas hal-hal yang berhubungan dengan hal berikut ini: kurikulum, pendekatan teori sastra, dan lingkungan sosial. Kurikulum KTSP berhubungan dengan silabus, RPP, dan evaluasi perancangan. Pendekatan teori sastera berhubungan dengan materi karekter dan hal-hal yang berkaitan dengan perancangan adalah kandungan karekter dalam genre besar naratif dan nonnaratif. Lingkungan sosial perlu dibahas karena menyangkut dengan variabel yang berhubungan dengan karekter, terutama persoalan bandar dan luar bandar serta kondisi pembelajaran.

A. Kurikulum

Persoalan kurikulum berkaitan dengan *pertama* penggunaan silabus dan *kedua* perancangan atau Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP) atau *lesson plan* dalam kaitannya dengan pembinaan karekter.

(a) Silabus

Silabus adalah garis-garis besar pembelajaran atau sejenis ringkasan atau ikhtisar atau pokok-pokok isi/materi pembelajaran. Silabus menjadi dasar atau pedoman umum dari penyusunan perancangan pembelajaran. Semua Peserta Kajian menggunakan silabus KTSP. Dalam kurikulum ini penjelasan tentang karekter tidak tercantum secara jelas dalam silabus dan hanya tertuang dalam materi secara tersirat. Guru dituntut mengembangkan secara oftimal karekter pelajar melalui perancangan yang disebut dengan Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (RPP). Silabus disusun oleh pemerintah melalui PUSKURBUK. Pada silabus tersebut karekter dalam komsas bahasa Indonesia yang diinginkan tidak dinyatakan secara konkrit, sama ada naratif dan nonnaratif. Ditegaskan pula setiap KD (komptensi dasar) harus memiliki karekter. Pengembangan karekter dalam komponen sastra diserahkan kepada guru. Guru yang kreatif membuat perancangan yang akan baik menampilkan karekter bangsa dalam komsas bahasa Indonesia. Oleh itu, pembelajaran elemen karekter dalam masing-masing peserta kajian tidak mengalami perbedaan berdasarkan jantina, naratif dan nonnaratif.

(b) Perancangan pembelajaran

Perancangan pembelajaran dalam pokok bahasan ini adalah Rencana Pelaksanaan Pembelajaran (*lesson plan*) dan menjadi inti pokok persoalan tulisan ini. Dapatan kajian ini dapat dilihat seperti berikut.

i. **Perancangan pembelajaran PK111.** Perancangan pembelajaran non-naratif dan naratif PK111 mencantumkan dua elemen karekter, yakni *kreatif* dan *bersahabat/komunikatif*. Perancangan menurut PK 111 hanya sebagai acuan atau pedoman dalam penerapan pembelajaran, dan bukan sebagai kawalan dalam hal kesilapan penerapan karekter.

ii. **Perancangan pembelajaran PK212.** Perancangan PK212 pada aspek *non-naratif* memfokuskan penerapan karekter *kreatif, rasa ingin tahu,* dan *bersahabat/komunikatif*, sedangkan pada aspek *naratif* hanya merancangkan penerapan karekter *kreatif* dan *rasa ingin tahu*. Perancangan tersebut merupakan titik fokus penerapan yang ingin dicapai dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia PK212.

iii. **Perancangan pembelajaran PK321.** Perancangan PK321 pada aspek *non-naratif* memfokuskan pada penerapan elemen karekter *percaya diri, tanggungjawab, disiplin, berfikir logik, kritis, kreatif, inovatif, rasa ingin tahu, kerjasama, santun, jujur,* dan *ramah*. Hal yang sama juga pada perancangan elemen karekter *naratif*. Perancangan tersebut merupakan titik fokus penerapan karekter PK321 yang ingin dicapai dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia.

iv. **Perancangan pembelajaran PK422.** Sama halnya dengan perancangan, PK212 dan PK422 juga memfokuskan pada penerapan karekter *kreatif, rasa*

ingin tahu, dan *bersahabat/komunikatif* dalam aspek *non-naratif*, sedangkan dalam aspek *naratif* hanya merancangkan penerapan karekter *kreatif* dan *rasa ingin tahu* sahaja. Fokus perancangan penerapan yang ingin dicapai PK422 dalam pembelajaran Komsas Bahasa Indonesia.

(c). Evaluasi.

Evaluasi dalam pemahaman di bagian ini adalah penilaian terhadap perancangan pembelajaran yang sudah disusun oleh peserta kajian. Peserta Kajian membuat perancangan untuk beberapa kali pelaksanaan pembelajaran. Tidak ada evaluasi yang khas dilakukan secara detail, sama ada oleh peserta kajian sendiri dan kepala sekolah serta pengawas. Pelbagai pihak yang terlibat dalam proses pembelajaran hanya melihat perancangan sebagai kelengkapan administrasi sahaja yang mesti dilaksanakan guru. Evaluasi terhadap perancangan dilaksanakan oleh peserta kajian sewaktu perancangan dilaksanakan untuk kedua kali dan seterusnya. Titik fokus perbaikan diarahkan kepada efisiensi pembelajaran supaya pelajar lebih cepat memahami. Artinya titik fokus evaluasinya tetap pada efisiensi Kriteri Ketuntasan Minimum (KKM), dan kecenderungan lainnya mengarah peningkatan pengetahuan dan keterampilan. Sikap atau karekter dalam kaitan itu tetap tidak mendapat prioriti atau bahkan tidak tersentuh.

B. Pendekatan teori sastera

Pendekatan teori sastera dalam kajian ini alat untuk menimbulkan atau memunculkan karekter bangsa dalam diri pelajar lebih banyak lagi dan menjadi strategi guru dalam meningkatkan karekter bangsa dalam diri pelajar. Pendekatan sastera yang lebih jitu diperlukan karena proses pembelajaran sastera tidak sama dengan proses pembelajaran komponen bahasa yang menjadi arus utama (*mainstream*) mata pelajaran ini. Dalam teori sastera ada tiga objek perhatian, yakni 1) pengarang, 2) teks/karya, dan 3) pembaca. Ketiga objek perhatian analisis ini melahirkan pelbagai teori. Dari segi *pengarang* ada teori ekspresionisme, pada aspek *pembaca* ada teori resepsi sastera, sosiologi sastera dan pragmatik. Dari segi *teks* ada pelbagai teori seperti mimetik, strukturalisme, sintagmatik dan paradigmatik, transformasi generatif, semiotika Peirce dan de Saussure, formalisme, hingga teori-teori postmodernisme seperti intertekstualitas dan dekonstruksionisme.

